

B 8984 AAB
MAHATHIR - SABAH R'R'R'

KUALA LUMPUR, 16 DIS (BERNAMA) - - DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA KERAJAAN FILIPINA TIDAK 'MEMBERI' JAMINAN AKAN PENYELESAIAN TERHADAP ISU TUNTUTAN SABAH, KECUALI MEREKA AKAN BEKERJA KERAS BAGI MENYELESAIKANNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA BERSEDIA MENUNGGU PROSES KE ARAH PENYELESAIANNYA SEBAGAIMANA DIMAKLUMKAN OLEH PRESIDEN PUAN CORAZON AQUINO.

PUAN AQUINO TELAH MENERANGKAN MENGENAI PROSES UNDANG-UNDANG NEGARNYA, IAITU PRESIDEN MESTI MENDAPATKAN PERSETUJUAN SENAT TERLEBIH DAHULU DALAM MENYELESAIKAN ISU ITU, KATA BELIAU.

+KITA SEDIA MAKLUMAKAN HAL ITU, +KATANYA KEPADA PEMBERITA SEKEMBALINYA KETANAH AIR DI LAPANGAN TERBANG ANTARAEANGSA KUALA LUMPUR HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PUANAQUINO TELAH MENYATAKAN DEMIKIAN KEPADA BELIAU DALAM SATU PERTEMUAN MEREKA KETIKA MENGHADIRI SIDANG KEMUNCIAK KETIGA ASEAN DI MANILA. -- LAGI

1508MST 16 12 8 7

0496

8 B986 AAB
MAHATHIR - SABAH 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

MALAYSIA SEBELUM ITU BERHARAP ISU TUNTUTAN ITU D & PAT DISELESAIKAN SEBELUM MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN ASEAN ITU BERMULA DAN DIGUGURKAN SEMASA MESYUARAT ITU, TETAPI MENDAPATI IA TIDAK TERCAPAI, KATA BELIAU.

OLEH ITU, KATA PERDANA MENTERI SOAL DISEGERAKAN PENYELESAIAN ISU ITU KINI TIDAK TIMBUL LAGI.

TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH TELAH BERLARUTAN SELAMA 25 TAHUN DAN MULAI MENDAPAT PERHATIAN SEMULA APA EILA DEWAN PERWAKILAN KONGRES FILIPINA MELULUSKAN RANG UNDANG-UNDANG MEMINDA SEMPADANNYA, BARU-BARU INI.

SENAT FILIPINA YANG MEMBINCANGKAN RANG UNDANG-UNDANG ITU TELAH MENGGARISKAN TIGA SYARAT BARU SEBELUM Penguatkuasaannya termasuk MAHUKAN MALAYSIA MENDATANGANI PERJANJIAN KERJASAMA DAN SETI AKLAWAN DAN PERJANJIAN KAWASAN SEMPADAN DENGAN FILIPINA.

SENAT FILIPINA JUGA MEMINTA MALAYSIA MENYELESAIKAN SOAL BAYARAN KEPADA WARIS SULTAN SULU YANG MEMINTA PAMPASAN. -- LAGI
1510MST 16 12 a 7

0007

B 8997 AAB
MAHATHIR - SABAH 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

KETIKA DITANYA MENGENAI HUBUNGAN MALAYSIA DENGAN FILIPINA PADA MASA INI SETELAH LAWATAN ITU, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BUKAN MELAKUKAN LAWATAN RASMI KE FILIPINA, TETAPI MENGHADIRI PERSIDANGAN ANTARAEANGSA.

DATUK SERI DA MAHATHIR JUGA BERKATA BELIAU TIDAK DAPAT MEMBUAT PERBANDINGAN SAMA ADA HUBUNGAN ANTARA MALAYSIA DENGAN FILIPINA KINI SEMAKIN RAPAT ATAU SEMAKIN RENGANG TETAPI MENEGASKAN BAHAWA +KEDUA-DUA NEGARA SEMAKIN RAPAT PERHUBUNGANNYA. +

MENGENAI KAWALAN KESELAMATAN SEMASA PERSIDANGAN ITU, BELIAU BERKATA PERSIDANGAN ITU BERJALAN DENGAN BAIK DAN TIDAK TIMBUL MASALAH KESELAMATAN. INI BERERTI KERAJAAN FILIPINA MEMBERI PERHATIAN BERATAKAN PERSIAPAN PERSIDANGAN ITU.

PERDANA MENTERI BERKATA LANGKAH-LANGKAH ITU PATUT DIHARGAI KERANA DENGAN PERSIAPAN ITULAH, MESYUARAT DAPAT DIADAKAN DENGAN BAIK, TENANG DAN TERSUSUN TANPA TERGENDALA.

BELIAU JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA ANGGOTA KESELAMATAN FILIPINA DAN MALAYSIA YANG MEMAINKAN PERANAN UNTUK MENENTUKAN AGAR TIDAK BERLAKU SEBARANGUGUTAN ATAU ANCAMAN SEMASA PERSIDANGAN ITU BERLANGSUNG. -- BERNAMA

1527MST 16 12 8 7